

Selasa, 10 March 2020 | 7:58pm

**BH**  
**ONLINE**

Muhamad Zikril menunjukkan antara bungkusan makanan yang menggunakan logo halal tidak sah ketika serbuan sebuah premis di sekitar Klang. - NSTP/Faiz Anuar

## Produk makanan ringan guna logo halal tidak sah dirampas

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

**KLANG:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menyita 2,100 bungkusan makanan ringan yang menggunakan logo halal tidak sah, dalam satu serbuan di sebuah premis di Jalan Nenas di sini, hari ini.

Serbuan bermula pada jam 3 petang dan turut disertai pegawai daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata serbuan berkenaan dilakukan hasil risikan yang dilakukan pasukannya selama dua minggu.

"Hasil serbuan ini kita menyita sebanyak 2,100 bungkus produk makanan iaitu biskut pulut, rempeyek dan roti pong bernilai RM 12,774.84.

"Kesemua produk yang dirampas didapati menggunakan logo halal tidak sah dan ada juga yang menggunakan logo halal yang sudah tidak digunakan lagi.

"Difahamkan, kilang berkenaan juga tidak pernah memohon sijil halal walaupun sudah lebih 10 tahun beroperasi," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya juga akan membuat laporan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor susulan premis berkenaan beroperasi dalam keadaan yang tidak bersih.

Jelasnya, tahap kebersihan yang kurang dalam penyediaan makanan boleh memudaratkan pengguna.

"Kita sudah mengambil keterangan daripada seorang lelaki lingkungan umur 50-an, dipercayai pemilik premis berkenaan untuk siasatan lanjut," katanya.

Muhamad Zikril berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Peraturan 4(1)(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011.

Katanya, untuk pertubuhan, pemilik boleh didenda tidak melebihi RM200,000 atau RM500,000 bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya.

"Jika bukan pertubuhan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

